

بيوگرافي ريفكس

BIOGRAFI RINGKAS



HAK MILIK IPTG

TOK GURU

TAN SRI DATO' BENTARA SETIA DATO'

NIK ABDUL AZIZ

BIN NIK MAT

BIOGRAFI RINGKAS
TOK GURU TAN SRI DATO' BENTARA SETIA
DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT

HAK MILIK IPTG

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)
Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
2025

BIOGRAFI RINGKAS
TOK GURU TAN SRI DATO' BENTARA SETIA
DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT

Cetakan pertama 2020

Cetakan kedua 2025

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan sesiapa pun mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Penerbit

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan

Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tingkat 6, Bangunan PMBK
Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz
15050 Kota Bharu, Kelantan

Pencetak

Wanza Net Resources
No 26, Tingkat 1, Jalan Mat Kilau
25000 Kuantan Pahang
Wanzanet.hq@gmail.com | +60 9 764 8629

ISBN

Font: Roboto 12

Penaung

YAB Dato' Panglima Perang

Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud

Menteri Besar Kelantan

Penasihat Khas

YB Dato' Bentara Kanan

Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob

Mantan Menteri Besar Kelantan

Penasihat Khas IPTG

Panel Penyusun

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

Ahmad Fathi bin Yusoff

Nurliyana binti Ahmed

Anis Nadhirah binti Azhar

Nur Syazana Athirah binti Izazi

HAK MILIK IPTG

Panel Penilai

Tuan Guru Nik Razi bin Nik Mat

Profesor Madya Dr. Nik Yusri bin Musa

Penyelaras Penerbitan

Nurliyana binti Ahmed

Reka Bentuk Kulit

Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi

Karya Potret Tok Guru ("Creativist Oil Painting")

Creative Factory Painting Sdn. Bhd.

Pemilihan Gambar Dalam Buku

Muhammad Khairul Naim bin Mohd Jazli

KALAM MENTERI BESAR



HAK MILIK

Segala puji bagi Allah SWT yang telah melimpahkan nikmat dan rahmat-Nya kepada kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, serta para sahabat yang telah menunjukkan jalan kebenaran kepada umat seluruhnya.

Dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) atas penerbitan cetakan kali kedua buku Biografi Ringkas Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Pasti buku ini akan menjadi tatapan dan rujukan kepada semua pihak baik dalam mahupun luar negara.

Usaha mendokumentasikan kisah kehidupan, pendidikan, kerjaya dan perjuangan politik tokoh ulama dan umara' yang amat disanjung ini merupakan usaha yang amat baik untuk dijadikan teladan dan inspirasi buat ummah. Penerbitan semula biografi ini sangat tepat pada masanya, terutama bagi generasi baharu yang mungkin tidak sempat merasai secara langsung sentuhan kepimpinan dan bimbingan Tok Guru.

Saya berharap biografi ringkas ini dapat menjadi tatapan bermakna buat rakyat negeri Kelantan sebagai sumber inspirasi untuk terus mencontohi nilai-nilai kepimpinan, keilmuan dan ketakwaan yang dipraktikkan oleh beliau.

Warisan kepemimpinan yang ditunjukkan oleh beliau tetap saya teruskan dengan Penghayatan Membangun Bersama Islam bersama-sama saf kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan. Insya-Allah berkat kesungguhan dan komitmen semua, agenda murni ini dapat direalisasikan seterusnya Kelantan terus dilimpahi rahmat dan berkat daripada Allah SWT.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Institut Pemikiran Tok Guru atas inisiatif menerbitkan buku ini. Saya berharap agar lebih banyak karya seumpama ini dapat diterbitkan pada masa akan datang untuk generasi kini dan akan datang mengenali dengan lebih mendalam perjuangan tokoh-tokoh kita yang telah banyak berjasa.

YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
Menteri Besar Kelantan



AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN PENGKAL KE-15

MENTERI BESAR

YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' PANCLIMA PERANG USTAZ DATO' HAJI
MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Pengerusi Jawatankuasa
Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah

TIMBALAN MENTERI BESAR

YANG BERTHORMAT
DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HASSAN

Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti,
Pembangunan Insan dan Undang-Undang



YB MEJAR (B) DATO'
HAJI MD. ANIZAM BIN
AB. RAHMAN

Pengerusi Jawatankuasa
Pelaburan, Perindustrian, Sumber
Manusia, Perdagangan dan
Keusahawanan



YB DATO'
DR. HAJI IZANI
BIN HUSIN

Pengerusi Jawatankuasa
Kerjasama, Infrastruktur,
Air dan Pembangunan
Luar Bandar



YB DATO' HAJI TUAN
MOHD SARIPUDIN BIN
TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa
Pertanian, Industri Agromakanan
dan
Komoditi



YB DATO'
HAJI WAN ROSLAN
BIN HAMAT

Pengerusi Jawatankuasa
Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital
dan Inovasi



YB DATO'
HAJAH ROHANI
BINTI IBRAHIM

Pengerusi Jawatankuasa
Kebajikan, Pembangunan
Keluarga dan Wanita



YB USTAZ MOHD ASRI
BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Islam,
Dakwah, Penerangan dan
Hubungan Seranta



YB ZAMAKHSHARI
BIN MUHAMMAD

Pengerusi Jawatankuasa
Belia, Sukan, NGO dan
Perpaduan Masyarakat



YB HILMI BIN
ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa
Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan
dan Alam Sekitar



YB DATUK KAMARUDIN
BIN MD NOR

Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Kebudayaan,
Kesenian dan Warisan

KATA PENASIHAT KHAS



Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Kaya dan Maha Pemberi Petunjuk bagi hamba-hamba-Nya. Tidak ada yang dapat memberi petunjuk selain Dia. Selawat dan salam bagi Nabi Muhammad SAW serta keluarga, sahabat dan umat Baginda sehingga akhir zaman.

Alhamdulillah, saya menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas 'inayah-Nya sehingga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) berjaya menghasil dan menerbitkan Biografi Ringkas Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat cetakan kedua.

HAK MILIK IPTG

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sememangnya seorang tokoh yang disayangi kawan dan dihormati lawan. Pemikiran-pemikiran beliau sepanjang 23 tahun sebagai Menteri Besar Kelantan perlu diketengahkan agar dapat difahami, dilaksana dan dihayati oleh generasi masa kini.

Cetakan kedua edisi ini perlu disebarluaskan kepada pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, pejabat-pejabat serta masyarakat umum.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini dan berdoa semoga usaha dan iltizam yang ditunjukkan diberkati Allah SWT.

YB Dato' Bentara Kanan

Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob

Mantan Menteri Besar Kelantan

Penasihat Khas IPTG

HAK MILIK IPTG



اڭاسيا سوره غورو

LEGASI TOK GURU

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

"Teruskan perjuangan ambo
selepas ambo tiada." -TGNA

SEKAPUR SIREH

HAK MILIK



Segala puji bagi Allah SWT yang telah melimpahkan nikmat, rahmat, dan kasih sayang-Nya kepada kita semua. Selawat dan salam yang penuh keberkatan dipanjatkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala nabi, serta kepada keluarga Baginda yang mulia dan para sahabat yang setia, yang telah menjadi petunjuk dan pembimbing umat menuju jalan kebenaran dan keredaan Allah.

Alhamdulillah, saya menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dapat bersama-sama menjayakan penerbitan Biografi Ringkas Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat cetakan kedua.

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) sememangnya mempunyai kaitan yang sangat rapat. Ini kerana PMBK diperbadankan di bawah Enakmen Pemerbadanan 1950 dan dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Kelantan. Maka, Tok Guru merupakan mantan Pengerusi PMBK.

Oleh itu, PMBK sangat berbesar hati bekerjasama dengan IPTG untuk projek penerbitan ini sebagai salah satu bentuk penghargaan PMBK kepada Tok Guru. Jasa dan sumbangan Tok Guru kepada Negeri Kelantan dan PMBK

adalah tidak ternilai. Tidak terbalas dengan penerbitan buku ini sebenarnya. Namun berikanlah peluang kepada kami untuk menzahirkan penghargaan dan ingatan kami kepada Tok Guru yang selama ini membimbing PMBK mencapai kejayaan.

PMBK merupakan sebuah agensi korporat dan peneraju pelaburan strategik Kerajaan Negeri Kelantan yang berperanan untuk mengambil alih, memegang dan membangunkan aset strategik bagi pihak kerajaan negeri khususnya dalam sektor perladangan, pertanian, bioteknologi, latihan, pembangunan infrastruktur, perbandaran, perniagaan dan juga kebajikan rakyat di negeri ini.

Semoga penerbitan buku ini bukan sahaja menzahirkan penghargaan dan ingatan kepada Tok Guru bahkan dapat memberikan inspirasi kepada para pembaca untuk mengikuti jejak jalan perjuangan Tok Guru.

Wan Mohd Husni bin Wan Osman

Ketua Pegawai Operasi

(Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
Tingkat 6, Bangunan PMBK
Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz
15050 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim

T: (+609) 747 4082
F: (+609) 747 7815
E: admin@pmbk.gov.my

HAK MILIK IPTG



KATA PENERBIT



Segala puji bagi Allah Taala, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat Baginda.

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Satu nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi di Malaysia lebih-lebih lagi di Kelantan.

Banyak buku telah diterbitkan mengenai beliau termasuk beberapa buku biografi. Namun bagi Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia, perlunya ada satu buku ringkas yang mengandungi maklumat lengkap yang boleh menjadi rujukan utama. Istimewanya buku ringkas ini disemak oleh dua individu yang dekat dengan Tok Guru; (1) Tok Guru Nik Razi bin Nik Mat, adik Tok Guru, dan (2) Profesor Madya Dr. Nik Yusri bin Musa, menantu Tok Guru.

Buku ini juga bukan sekadar mengandungi kisah perjalanan hidup Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia tetapi mengandungi pemikiran utama beliau sepanjang 23 tahun menjadi Menteri Besar Kelantan: Membangun Bersama Islam bertunjangkan 'Ubudiyyah, Mas'uliyah, Itqan.

Buku ini dicetak untuk kali kedua pada tahun 2025 bagi menyebarkan lagi pemikiran Tok Guru khususnya

kepada generasi muda. Buku ini juga menjadi mercu tanda bagi Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). Para pengunjung dan tetamu Galeri Tok Guru akan membawa pulang buku ini sebagai tanda kenang-kenangan.

Harapan saya agar buku kecil ini dapat memberi manfaat yang besar kepada para pembaca sekalian. Semoga buku kecil ini mendapat keredaan dan balasan yang besar daripada Allah SWT.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari bin Mat

Pengarah

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

KANDUNGAN

PENGENALAN	2
KETURUNAN	8
PENDIDIKAN	14
PERKAHWINAN	20
KERJAYA	22
POLITIK	24
MENTERI BESAR	32
LEGASI	48
ANUGERAH & PENGHARGAAN	58
DI SEBALIK TOK GURU	60
PESAN TOK GURU	63
BELASUNGKAWA	66
RUJUKAN	72



PENGENALAN

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan tokoh yang tidak asing lagi khususnya di Kelantan dan umumnya di Malaysia. Sumbangan besar beliau dalam bidang dakwah, pendidikan dan pentadbiran kerajaan menjadikan beliau tokoh yang amat dihormati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Sepanjang hayatnya, beliau telah menerima pelbagai gelaran, pangkat dan anugerah sebagai tanda penghargaan terhadap jasa serta kepemimpinan beliau yang unggul. Gelaran dan anugerah ini diberikan sama ada oleh rakyat jelata mahupun atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.

Pengiktirafan ini mencerminkan kewibawaan beliau sebagai pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip Islam, adil dan berintegriti tinggi. Semoga Allah SWT menerima segala usaha, jasa dan amalan beliau sebagai

amal soleh yang berpanjangan.

Antara gelaran dan pangkat yang telah dianugerahkan kepada beliau adalah seperti berikut:

1. **Ayah Ziz:** Panggilan mesra “Ayah Ziz” diberikan oleh masyarakat Kelantan kepada Tok Guru Tan Sri Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebelum beliau dilantik sebagai Menteri Besar. Gelaran ini bukan sahaja mencerminkan keakraban hubungan beliau dengan rakyat, tetapi juga menzahirkan penghormatan mendalam terhadap keilmuan, kealiman, serta keperibadian beliau yang tawaduk dan mesra rakyat.

Tok Guru dikenali sebagai seorang pendakwah yang mampu menyampaikan penjelasan berkenaan isu-isu agama dengan jelas, mudah difahami dan dekat dengan realiti masyarakat. Beliau kekal istiqamah menyampaikan kuliah-kuliah agama secara konsisten sejak zaman mudanya termasuk selepas memegang jawatan dalam kerajaan hinggalah ke akhir hayatnya.



Komitmen beliau dalam menyampaikan ilmu agama dan membimbing masyarakat telah menjadikan beliau sebagai tokoh yang amat dihormati dan disayangi oleh semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang politik atau sosial.

2. **Tok Guru @ Tuan Guru:** Gelaran "Tok Guru" atau "Tuan Guru" menjadi panggilan rasmi yang diberikan oleh masyarakat kepada Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat setelah beberapa ketika dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Gelaran ini bukan sekadar sebutan hormat tetapi mencerminkan kedudukan beliau yang tinggi sebagai pemimpin agama, tokoh ilmuwan dan pemimpin masyarakat.

Bagi masyarakat Kelantan, sebutan "Tok Guru" secara umumnya merujuk secara khusus kepada beliau, menunjukkan pengiktirafan terhadap kepimpinan beliau yang berteraskan ilmu, akhlak dan keteladanan. Gelaran ini telah melekat dalam ingatan rakyat sebagai simbol ketokohan dan keperibadian unggul seorang pemimpin yang membimbing dengan ilmu dan kasih sayang.

Dato' Bentara Setia: Gelaran kebesaran *Dato' Bentara Setia* telah dianugerahkan kepada Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan pada tahun 2010.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan rasmi daripada Istana Kelantan terhadap jasa, kepimpinan dan kewibawaan beliau sebagai Menteri Besar yang telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negeri serta kebajikan rakyat. Gelaran ini turut memperkukuh kedudukan beliau bukan sahaja sebagai pemimpin politik tetapi juga sebagai tokoh yang dihormati dalam institusi kenegaraan dan kemasyarakatan di Kelantan.

Tan Sri: Pada 5 Jun 2023, Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat telah dikurniakan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran "Tan Sri" oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Penganugerahan ini merupakan antara pengiktirafan tertinggi negara terhadap jasa dan sumbangan luar biasa beliau dalam memartabatkan pentadbiran berteraskan Islam, memperkukuh perpaduan rakyat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhannya.

Anugerah ini telah diterima bagi pihak Allahyarham oleh isteri beliau Puan Sri Datin Bentara Setia Tuan Sabariah binti Tuan Ishak dalam satu istiadat rasmi sebagai tanda penghormatan negara terhadap kepimpinan beliau yang sederhana, berprinsip dan berjiwa rakyat.

HAK MILIK IPTG





**ALLAHYARHAM TAN SRI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, P.S.M.
MANTAN MENTERI BESAR NEGERI KELANTAN**

Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M) kepada mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tan Sri Nik Abdul Aziz Nik Mat.

KETURUNAN

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dilahirkan pada tahun 1350H bersamaan 1931M di Kampung Kedai Lalat (Kota Jembal), Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan anak kepada pasangan Nik Mat @ Raja Muhammad bin Raja Banjar dan Siti Aminah binti Abdul Majid.

Menerusi salasilah sebelah bapanya, Tok Guru adalah berketurunan Diraja Jembal yang pernah memerintah Kelantan antara tahun 1048H/1638M hingga 1132H/1720M. Bahkan, susur galur keturunan beliau boleh dijejak hingga kepada Sayyid Hussain Jamadil Kubra, seorang tokoh penting dalam sejarah penyebaran Islam di Nusantara pada abad ke-14. Salasilah keturunan beliau adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	CATATAN
1	Nik Abdul Aziz bin	Lahir 1931- meninggal 2015
2	Nik Mat @ Raja Muhammad bin	Lahir 1894 - meninggal 1977
3	Raja Banjar bin	Lahir 1870- meninggal 1930
4	Raja Abdullah bin	Berkahwin dengan Raja Majam binti Raja Kechik (sepupu)
5	Raja Hitam bin	
6	Raja Muhammad bin	
7	Raja Abdullah bin	
8	Raja Abdul Rahman bin	
9	Raja Kechil Sulong bin	Berkahwin dengan Raja Dewi binti Raja Sungai bin Raja Omar (sepupu)
10	Raja Omar bin	Raja Jembal III Raja Kelantan (1662-1670)
11	Raja Sakti bin	Long Betong Raja Jembal I Raja Kelantan Utara (1632-1649) Raja Kelantan & Patani (1649-1662)
12	Raja Abdul Kadir bin	Datu Abdul Kadir Raja Kelantan (1616-1632)
13	Sultan Samirudin bin	Raja Ekok Raja Kelantan (1605-1616)
14	Nik Jamaluddin bin	Datu Kelantan Timbalan Raja Champa
15	Abul Muzaffar Waliyullah bin	Wan Abul Muzaffar Pencetus gelaran 'Nik'
16	Abu Abdullah bin	Wan Bo @ Sultan Abu Abdullah @ Bo Tri Tri Raja Champa (1471-1478)
17	Ali Nurul Alam bin	Patih Aria Gajah Mada Perdana Menteri Majapahit di Kelantan (1432-1467)
18	Sayyid Hussain Jamadil Kubra	

Tok Guru merupakan anak kedua daripada 18 orang adik-beradik dalam keluarga besar Nik Mat @ Raja Muhammad bin Raja Banjar yang beristeri empat. Ibunya, Aminah binti Abdul Majid berasal dari Kg. Bukit Marak, Bachok, Kelantan merupakan isteri pertama.

HAK MILIK IPTG



CARTA KELUARGA NIK MAT @ RAJA MUHAMMAD BIN RAJA BANJAR

NIK MAT BIN RAJA BANJAR

AMINAH ISTERI 1



NIK ZAINAB
BINTI NIK MAT



NIK ABDUL AZIZ
BIN NIK MAT



NIK KHADIJAH
BINTI NIK MAT



NIK AZIZAH
BINTI NIK MAT



NIK RAZI
BIN NIK MAT

KALTHUM ISTERI 2



NIK HUSSIN
BIN NIK MAT

TENGKU MARIYAM ISTERI 3



NIK ABDULLAH
BIN NIK MAT



NIK WAJIS
BIN NIK MAT



NIK HASANAH
BIN NIK MAT



NIK RAZIN
BIN NIK MAT



NIK DIN
BIN NIK MAT



NIK AMINAH
BINTI NIK MAT



NIK NASIM
BIN NIK MAT

RAJA TIJAH ISTERI 4



NIK ZUBAIDAH
BINTI NIK MAT



NIK MARYAM
BINTI NIK MAT



NIK DAUD
BIN NIK MAT



NIK RAUDAH
BINTI NIK MAT



NIK MUHAMMAD
AL'UN BINTI NIK MAT

Nik Mat @ Raja Muhammad bin Raja Banjar yang dilahirkan pada 1894 dikenali masyarakat dengan nama panggilan Tok Guru Nik Mat Alim kerana kealiman dan pengamalan agama dalam kehidupannya. Tok Guru Nik Mat Alim berguru mempelajari ilmu tafsir al-Quran, hadis, fiqh, tasawuf, tajwid dan mantik dengan ulama-ulama terkenal Kelantan antaranya:

1. Haji Omar Mentuan
2. Tok Kenali
3. Tuan Guru Haji Wan Musa
4. Tok Khurasan
5. Sidi Azhari

Beliau pernah membawa anak-anak termasuk Tok Guru bersama-sama untuk menuntut ilmu dengan Tok Khurasan. Beliau juga mengajar sendiri Tok Guru asas-asas ilmu agama dan Bahasa Arab sebelum menghantar Tok Guru menuntut ilmu dengan beberapa orang Tuan Guru lain. Pada 1963, Tok Guru Nik Mat Alim menubuhkan Darul Anuar sebagai sebuah pusat pendidikan bertempat di Pulau Melaka. Tok Guru Nik Mat Alim meninggal dunia pada 1977 ketika bersia 83 tahun.




*Nik Mat @ Raja Muhammad bin Raja Banjar
ketika berusia 65 tahun*

PENDIDIKAN

Tok Guru pernah menerima pendidikan formal di Sekolah Melayu Kedai Lalat selama tiga bulan pada tahun 1936M. Kemudian, ketika usianya belum sembilan tahun, Tok Guru telah dihantar oleh ayahnya untuk menuntut ilmu di Madrasah Diniyyah Ittifaqiyah, Jerteh, Terengganu untuk berguru dengan Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad. Antara pelajar dewasa ketika itu adalah Ustaz Mustafa Labib dari Indonesia. Sementara pelajar dewasa tempatan ialah Che Ali Tukang Emas, Pak Od dan Tok Wan Jusoh. Manakala rakan sepengajian Tok Guru ialah Pak Li Pak Wong, Haji Doloh Pak Wong, Ya Gong Nering, Pok Li Kg Raja dan Pak Muda Jerteh.

Setelah beberapa ketika, Tok Guru terpaksa menangguhkan pengajian dan pulang ke rumah berikutan serangan Jepun terhadap Tanah Melayu pada tahun 1941.





Tok Guru kemudian berguru dengan Tok Khurasan di Kg. Sireh, Kota Bharu. Tok Khurasan mengajar kitab hadis Bukhari dan juga Kitab Mishkat al-Masabih.

Tok Guru juga belajar di Madrasah Arabiah Jamek Merbau al-Ismaili (kini Maahad Muhammadi Lelaki). Pengetua pada ketika itu ialah Haji Ismail Pontianak, manakala antara guru-guru ialah Haji Ahmad Mahir, Hj Nik Adib, Haji Said Kangkong, Haji Yaakub bin Hj Ahmad, Haji Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdullah Khatib dan Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang.

Apabila Madrasah Diniyyah Ittifaqiyah dibuka semula setelah keadaan aman pada 1947M, Tok Guru kembali meneruskan pengajian berguru dengan Tok Guru Haji Abas bin Haji Muhammad dan Ustaz Abdullah bin Haji Muhammad (Ustaz Lah India)(belajar di Aligarh Muslim University), Tok Guru Haji Latif dan Ustaz Syafie Losong. Tok Guru juga belajar Bahasa Inggeris dengan Che Mat dan Pak Mat yang berasal dari Perak.


Kemudiannya pada Februari 1952M, Ustaz Abdullah bin Haji Muhammad (Ustaz Lah India) berangkat ke India untuk menyambung pengajian beliau yang tertangguh. Tok Guru juga dibawa bersama untuk belajar di India. Perjalanan bermula dengan menaiki kapal terbang di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan mendarat di Pulau Pinang. Kemudian Tok Guru menaiki kapal laut menuju ke Pelabuhan Klang dan seterusnya ke India. Selama 7 hari perjalanan di laut akhirnya Tok Guru tiba di Teluk Bengal dan berlabuh di Kolkata, India. Beliau menginap di Kolkata selama 3 hari sebelum menaiki kereta api ke Deoband.

Tok Guru menyambung pengajian ke Darul Uloom Deoband, Saharanpur, Uttar Pradesh, India. Tok Guru belajar dengan ulama-ulama dan pemimpin gerakan Islam India antaranya Maulana Husain Ahmad al-Madani. Sayyed Ahmad Husain merupakan pakar hadis dan tarekat serta Presiden Jam'iyatul Ulama Hind. Guru-guru lain ialah: (1) Maulana Qari Muhammad Tayyib Syed al-Qasimi (Tasawuf), (2) Maulana Syed Fakhrul Hasan Moradabadi

(Sahih Muslim dan Tafsir al-Baidhawi) (3) Maulana Muhammad Ibrahim Baliyawi (Sahih Tirmizi), dan (4) Maulana Muhammad Naim (al-Adab al-Mufrad).

Tok Guru kemudiannya belajar Tafsir al-Quran dengan Maulana Ahmed Ali Lahori di Jami'ah Khuddamuddin, Lahore, Pakistan pada tahun 1957M selama 4 bulan.

Kemudian pada tahun 1958M, Tok Guru menyambung pengajiannya di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan biasiswa Mukhtar Islami. Syeikh Al-Azhar pada masa itu ialah Syeikh Mahmud Syaltut. Tok Guru lulus Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dalam tempoh dua tahun. Ketika itu hanya ada seorang pelajar Melayu di *Kuliah Lughah* (Fakulti Bahasa) iaitu Mat Zain dari Kedah. Kemudian Tok Guru menyambung pengajian Ijazah Sarjana Perundangan Islam dan lulus dalam tempoh dua tahun juga.



PERKAHWINAN

Setelah lebih 10 tahun di perantauan, Tok Guru akhirnya pulang ke tanah air pada awal tahun 1962M. Pada tahun ini juga, pada usia 31 tahun Tok Guru berkahwin dengan Tuan Sabariah binti Tuan Ishak yang pada ketika itu berusia 14 tahun dan dikurniakan 10 orang cahaya mata:

1. Nik Noraini (lahir pada 1963M)
2. Nik Omar (lahir pada 1965M)
3. Nik Adli (lahir pada 1967M)
4. Nik Abdul Rahim (lahir pada 1969M)
5. Nik Abduh (lahir pada 1970M)
6. Nik Adilah (lahir pada 1971M)
7. Nik Asri (lahir pada 1973M)
8. Nik Amani (lahir pada 1975M)
9. Nik Amalina (lahir pada 1977M)
10. Nik Asma' Salsabila (lahir pada 1984M)





Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dan Puan Sri

Datin Bentara Setia Tuan Sabariah binti Tuan Ishak bersama 10 orang anak

KERJAYA

Dengan kepulauan Tok Guru dari luar negara, ayah beliau, Tok Guru Nik Mat Alim mengasaskan Maahad Darul Anuar dan melantik Tok Guru sebagai mudir pertama. Tok Guru mengambil pendekatan pentadbiran yang teratur dan sistematik, manakala sumber kewangan untuk pembangunan dan pengurusan sekolah pula diperolehi hasil daripada sumbangan orang ramai. Pada masa yang sama Tok Guru juga berkhidmat sebagai guru di Madrasah At-Tarbiah Al-Mardhiah, Panchor. Di samping itu juga Tok Guru turut menyampaikan kuliah agama di merata tempat termasuk juga di Masjid Pulau Melaka secara giliran dengan ayahnya, Tok Guru Nik Mat Alim.

Pada 1962M, Tok Guru telah ditawarkan jawatan sebagai Penyelia Kelas Agama Dewasa di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tok Guru Nik Mat Alim membenarkan Tok Guru dilantik dengan beberapa syarat:

1. Bebas menyampaikan kebenaran ajaran Islam.
2. Bebas menyampaikan kebenaran walaupun menyentuh pihak-pihak tertentu.
3. Cuma dibayar elaun bukannya gaji yang hanya cukup menampung urusan pengajaran sahaja.

Kelas Agama Dewasa KEMAS ini dilakukan pada waktu malam sahaja. Setelah dua tahun melaksanakan tugas di serata Kota Bharu, Tok Guru mengundurkan diri pada 1964 ekoran kebebasan berceramah ditarik balik kerana Tok Guru menyentuh soal pembentukan negara Islam dan kewajipan untuk menegakkan hukum Allah.

HAK MILIK IPTG

Kemudian, Tok Guru ditawarkan menjadi guru di Maahad Muhammadi, Kota Bharu iaitu sekolah agama tertua dan terbesar di Kelantan. Tugas sebagai guru di Maahad Muhammadi makin merancakkan lagi gerak kerja dakwah Tok Guru kerana dihubungkan oleh anak murid di seluruh Kelantan. Bermula dengan Masjid Langgar, kemudian Masjid Uda Murni, Masjid Kedai Buloh dan kemuncaknya Tok Guru berkuliah di masjid negeri; Masjid Muhammadi.

POLITIK

Penglibatan Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Tan Sri Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dalam PAS bermula tanpa dirancang. Beliau dipilih tanpa pengetahuannya untuk menjadi calon PAS bagi pilihan raya kecil Parlimen Kelantan Hilir pada tahun 1967M ekoran kematian penyandang Haji Ahmad Abdullah Prai yang meninggal dalam kemalangan jalan raya. Ketika itu Tok Guru belum lagi menjadi ahli PAS. Tok Guru menerima pelawaan tersebut sekaligus mendaftar sebagai ahli PAS pada 20 September 1967M dengan nombor keahlian 66167 dan meletakkan jawatan serta merta sebagai guru di Maahad Muhammadi, tiga hari sebelum menjadi calon PAS.

Antara sebab Tok Guru menyertai PAS adalah kerana penangkapan ramai tok guru pondok di bawah Internal Security Act 1960 (Akta Keselamatan Dalam Negeri) sekitar awal tahun 60-an. Kata Tok Guru:

.... Ambo masuk PAS tahun 67. Ambo balik Mesir tahun 62, pahtu jadi Guru Dewasa, pahtu jadi Guru Maahad. Tengah-tengah begitu UMNO cara ko tangkap Tok Guru. Ingat dok Tok Guru Pondok kena tangkap? Masuk ISA. Ni kerja UMNO bukan MCA. Dok. UMNO. Kalau MCA tangkap orang alim, munasabah. Ni UMNO, Melayu tangkap Tok Guru.

Tok Guru Haji Daud, Tok Guru Haji Hassan Lemal, Pok Nik Lah, Tok Guru Haji Omar Kubang Bemban. Tok Guru Pondok ditangkap oleh UMNO. Kalau MCA tangkap, munasabah mugo dia Cina, tak reti gapo. Ni Melayu boleh tangkap Tok Guru.

Mulai situ ambo berasa tak jadi aku ni, aku ni mengaji lebih daripada orang lain. Pondok di Tanah Melayu aku ngaji, di India aku ngaji, di Pakistan aku ngaji, di Mesir aku ngaji. Tak dok ore serupo dengan aku ngaji, tiba-tiba aku dok senyap. Tak boleh. Soyok mulut ko Tuhan di akhirat kelak. Ini punca ambo masuk PAS.





Kad ahli PAS dengan nombor ahli 66167 milik Tok Guru bertarikh daftar 20 September 1967

HAK MILIK IPTG

Dalam pilihan raya itu, Tok Guru mengalahkan calon Parti Perikatan, Tengku Noor Asiah dengan majoriti 3,259 undi. Tok Guru mendapat 11,855 undi manakala Tengku Noor Asiah mendapat 8,596 undi.


Setahun selepas menjadi ahli PAS, pada 19 April 1968 Tok Guru dipilih sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat bagi menggantikan Tuan Guru Haji Hussein Rahimi

Mat Saman dalam Muktamar Dewan Ulama PAS Pusat di Perlis. Pada 1968 juga Tok Guru dilantik sebagai Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan.

Pada 1972, PAS membentuk kerajaan campuran PAS-Perikatan. Dua orang Ahli Parlimen PAS telah dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri:

1. **Tan Sri Dato' Mohd Asri bin Haji Muda**
Presiden PAS (ketika itu: Yang Dipertua PAS)
Ahli Parlimen Kota Bharu Hulu
Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-Tugas Khas
2. **Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah @ Haji Yusof Rawa**
Ahli Parlimen Kota Star Selatan
Timbalan Menteri Perusahaan Utama

Tok Guru yang merupakan Ahli Parlimen Kelantan Hilir dilantik menyandang beberapa jawatan penting kerajaan, antaranya Ahli Lembaga Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) dan Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam.



Pasca Pilihan Raya Umum 1974, Dato' Muhammad Nasir dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Pelantikan Dato' Muhammad Nasir menimbulkan konflik dalaman PAS. PAS pada awalnya mencalonkan Haji Wan Ismail Ibrahim sebagai Menteri Besar tetapi dengan campur tangan UMNO, Dato' Muhammad Nasir dilantik sebagai Menteri Besar. Konflik ini berterusan dengan beberapa isu berlaku sehinggalah Dato' Muhammad Nasir dipecat daripada PAS pada 10 Oktober 1977. Sehubungan dengan itu, sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan meluluskan undi tidak percaya terhadap Dato' Muhammad Nasir pada 15 Oktober 1977. Keputusan ini menyebabkan penyokong Dato' Muhammad Nasir tidak puas hati sehingga berlaku demonstrasi di tengah bandar Kota Bharu pada 19 Oktober 1977 dan mencetuskan huru-hara. Perundingan untuk membentuk kerajaan baru gagal mencapai kata sepakat.

Lalu pada 8 November 1977, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Hussein Onn membentangkan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 dan Kelantan diisytiharkan darurat. Seluruh urusan pentadbiran


Kerajaan Kelantan diuruskan oleh seorang Pengarah Kerajaan yang dibantu oleh Majlis Penasihat Negeri. Ekoran perkara ini juga PAS disingkirkan daripada Barisan Nasional pada 13 Disember 1977.

Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 kemudiannya ditamatkan setelah 3 bulan iaitu pada 12 Februari 1978. Pada 11 Mac 1978 diadakan satu Pilihan Raya Negeri Kelantan. PAS mengalami kekalahan teruk dengan hanya memenangi dua kerusi sahaja daripada 36 kerusi. Kerjasama Barisan Nasional-BERJASA telah memerintah Kerajaan Negeri Kelantan dengan Dato' Mohamed Yaacob daripada UMNO dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Kuliah Tok Guru di Masjid Muhammadi ditamatkan dan Tok Guru juga dilarang menyampaikan kuliah di mana-mana masjid di seluruh Kelantan. Ekoran itu Tok Guru memindahkan kuliah beliau ke Dewan Zulkifli Muhammad, Bangunan PAS Kelantan, Jalan Dato' Pati Kota Bharu.

Tok Guru Nik Abdul Aziz kemudiannya dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 1 Mac 1981 setahun sebelum Pilihan Raya Umum 1982. Dalam pilihan raya yang berlaku pada 22 April 1982, PAS tewas dengan mendapat 10 kerusi Dewan Undangan Negeri. Pada pilihan raya umum 1986, Tok Guru bertanding buat kali pertama bagi peringkat negeri di DUN Semut Api. Pada masa yang sama turut bertanding bagi kerusi Parlimen Bachok. Tok Guru memenangi kerusi DUN Semut Api tetapi tewas bagi kerusi Parlimen Bachok.

HAK MILIK IPTG





JAWATAN
TOK GURU DALAM **KERAJAAN**




MENTERI BESAR

Bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1990, PAS mengadakan kerjasama politik dengan menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang dianggotai oleh PAS, Semangat 46, BERJASA dan HAMIM. PAS Kelantan dibawah kepimpinan Tok Guru selaku Pesuruhjaya memilih 'Membangun Bersama Islam' sebagai manifesto.

Hasilnya pada Pilihan Raya Umum pada 21 Oktober 1990, Angkatan Perpaduan Ummah berjaya memenangi kesemua 39 kerusi DUN dan Tok Guru telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Majlis mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar diadakan di Istana Negeri Kubang Kerian di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.







Keratan akhbar: Hari pertama Tok Guru melangkah masuk ke pejabat Menteri Besar, 1990.

**Tok Guru di pejabat Menteri
Besar. 1990**





*Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Aziz bin
Nik Mat dan isteri, Puan Sri Datin Bentara Setia Tuan Sabariah
binti Tuan Ishak.*

Manifesto PAS dalam Pilihan Raya Umum 1990 yang bertema 'Membangun Bersama Islam' kemudiannya diterima dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kelantan sebagai rujukan dalam membina kerangka dasar bagi perancangan program dan projek pembangunan Kelantan.

Gagasan Membangun Bersama Islam ditakrifkan sebagaimana berikut:

Justeru itu maksud MBI bagi Kerajaan Negeri Kelantan ialah pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketaatan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredaan Allah.

Manakala visi gagasan Membangun Bersama Islam adalah:

Menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang terlaksananya nilai-nilai hidup Islam dan mendapat keredaan Allah.

Sementara misi gagasan Membangun Bersama Islam adalah:

Melaksanakan agenda pembangunan negeri dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang syumul melalui pembangunan insan dan perancangan yang strategik.

Gagasan Membangun Bersama Islam ini mempunyai empat objektif iaitu:

1. Memperbetulkan pemahaman yang menafikan dasar-dasar Islam di dalam merealisasikan program pembangunan yang menyeluruh. Sekaligus akan meletakkan program pembangunan berlandaskan syariat Islam di Kelantan seiring dengan kehendak masyarakat majmuk dan pelaksanaan pembangunan berlandaskan syariat Islam memberi manfaat kepada semua kaum dalam negara ini; dan sekaligus meyakinkan masyarakat Kelantan khasnya dan masyarakat Malaysia amnya bahawa masyarakat majmuk bukanlah menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan syariat Islam.

2. Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam ke arah merealisasikan anggota masyarakat Kelantan sebagai khalifah yang bertakwa, produktif, progresif dan menghayati kemajuan mengikut cara hidup Islam (al-Din al-Islam).
3. Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam dalam kerangka menggerak yang makruf dan mencegah yang mungkar atas keyakinan bahawa pendekatan ini memacu pembangunan negeri menuju kemenangan (falah) dan menghindari kerosakan (fasad).
4. Melaksanakan dasar pembangunan negeri bukan semata-mata atas perkiraan keuntungan berdasarkan prinsip persaingan yang tidak sihat tetapi menekankan keseimbangan di antara kemajuan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Bagi memastikan objektif-objektif gagasan Membangun Bersama Islam dapat direalisasikan sebaik mungkin, pelaksanaan MBI memberi tumpuan kepada lima aspek iaitu:

1. Melaksana Syariat Islam
2. Pembangunan Pendidikan

3. Pembangunan Ekonomi
4. Pembangunan Pentadbiran
5. Pembangunan Sosial dan Budaya

Gagasan Membangun Bersama Islam ini mempunyai tiga teras utama iaitu 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan.

'Ubudiyyah: Nilai ini merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup, dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan akidah- yang jelas.

Mas'uliyah: Nilai ini merujuk kepada kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Nilai ini merupakan konsep khilafah (vicegerence) yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat.

Itqan: Nilai ini merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja. Nilai ini akan membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal

insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Bagi merealisasikan Dasar Membangun Bersama Islam, pelbagai pekeliling, enakmen dan dasar digubal sebagaimana berikut:

1. **Dasar Pentadbiran Kerajaan berteraskan Syari'at**

- Pekeliling Pentadbiran (cuti dua hari seminggu) Jumaat & Sabtu
- Pekeliling Pentadbiran (cuti ibu bersalin) 60 hari kepada 90 hari
- Pekeliling Pentadbiran (cuti kematian pasangan) 30 hari
- Pekeliling Pentadbiran (bekerja berdekatan / mesra pasangan)

2. **Dasar Perundangan dan Kehakiman**

- Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993)
- Mengemas kini Enakmen Kekeluargaan

3. **Dasar Kebudayaan dan Kesenian**

- Enakmen Kawalan Hiburan
- Dasar Pelancongan

4. **Dasar Pembangunan Pendidikan**

- Dasar Pendidikan YIK
- Penubuhan KIAS di bawah YAKIN
- Dasar Bantuan Pendidikan Pra-Sekolah


5. **Dasar Pembangunan Ekonomi**

- Enakmen Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
- Enakmen Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat (PPLRK)
- Enakmen Perbadanan Tunjong (TDC)
- Enakmen Perbadanan Tok Bali
- Enakmen Perbadanan Pertanian Kelantan
- Dasar Bertani Satu Ibadah

6. **Dasar Pembangunan Sosial**

- Dasar Pembangunan Wanita
- Dasar Pembangunan Belia
- Dasar Keluarga Mawaddah
- Dasar Pembangunan Insan

Kerajaan Negeri juga menjadikan teras Membangun Bersama Islam iaitu 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) sebagai Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bermula 2008 yang dimaklum pemakaian melalui Pekeliling Am Negeri Kelantan 1/2008.



Pelaksanaan gagasan Membangun Bersama Islam dapat dilihat melalui pelbagai dasar dan program yang telah dilaksanakan sehingga sekarang merangkumi: kebajikan rakyat, pelaksanaan syariat, kemajuan pendidikan, kebudayaan & pelancongan, pembangunan wanita & belia, seni hiburan, kemajuan pertanian dan keharmonian kaum.

1. Kebajikan Rakyat

- Bantuan Skim Az-Ziwaaj
- Skim al-It'am
- Tabung Serambi Mekah
- Ladang Rakyat
- Rumah Dhu'afat
- Sistem Ar-Rahn

2. Pelaksanaan Syariat

- Memindahkan akaun simpanan tetap Kerajaan Negeri daripada sistem perbankan riba kepada sistem perbankan Islam
- Menubuhkan Unit Dakwah Halaqat
- Menutup premis-premis judi
- Mengawal penjualan arak
- Memperkenalkan Dinar & Dirham Kelantan
- Meluluskan Enakmen Jenayah Syariah II (1993)

- Kempen Menutup Aurat
- Menambahkan peruntukan MAIK
- Memartabatkan tulisan Jawi
- Pengisytiharan Kota Bharu Bandar Raya Islam

3. Kemajuan Pendidikan

- Penubuhan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
- Penubuhan Maahad Tahfiz Sains
- Menubuhkan Pusat Pembangunan Pondok Berhad
- Kuliah Medan Ilmu di Jalan Dato' Pati, Kota Bharu
- Kuliah agama di Masjid Al-Baro'ah Pasar Besar Siti Khadijah untuk peniaga & pengunjung
- Membuka aliran Sains Tulen di Maahad Muhammadi Lelaki / Perempuan

4. Kebudayaan dan Pelancongan

- Dasar Kebudayaan berteraskan Islam
- Menubuhkan Koperasi Pendikir
- Ekspo Cheng Ho (Kelantan-China International Trade Fair)
- Menara Rehal sebagai simbol Kelantan Negeri Serambi Mekah
- Dasar Pelancongan Negeri berprinsipkan Pelancongan Islam

5. Pembangunan Wanita dan Belia

- Dasar Keluarga Mawaddah
- Pelantikan Penghulu Wanita
- Pusat Perubatan An-Nisa' khas untuk bersalin & sakit puan
- Pelantikan Pegawai Armalah di setiap DUN
- Cakna Rakyat di setiap DUN
- Anugerah Tokoh Belia Negeri
- Liga Bola Sepak Piala Tok Guru

6. Seni Hiburan

- Menutup kelab malam & lain-lain pusat hiburan
- Meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri
- Mengharamkan persembahan Mak Yong, Menora dan Wayang Kulit
- Tidak mengeluarkan lesen premis pusat permainan video

217

7. Kemajuan Pertanian

- Kempen Bertani Satu Ibadah
- Projek Perintis Penternak Muda
- Skim Galakan Tanam Pokok Karas
- Penggunaan baja organik yang mesra alam

8. Keharmonian Kaum

- Melantik bukan Islam sebagai Ahli Majlis PBT
- Menubuhkan Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA)
- Melantik bukan Islam sebagai Penghulu Tanpa Mukim
- Menaik taraf Jawatankuasa Hubungan Kaum sebagai portfolio Kerajaan
- Melantik bukan Islam sebagai pegawai-pegawai khas Menteri Besar

HAK MILIK IPTG



LEGASI

Setelah 23 tahun menjadi Menteri Besar, Tok Guru mengundurkan diri pada usia 82 tahun selepas Pilihan Raya Umum ke-13. ADUN Pasir Pekan, Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad bin Yakob mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar di hadapan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V di Istana Negeri, Kubang Kerian pada 6 Mei 2013 pada usia 63 tahun.

HAK MILIK IPTG



Dato' Bentara Kanan-Ustaz Dato' Ahmad bin Yakob mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Istana Negeri Kubang Kerian di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V ibni Sultan Ismail Petra.




*Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad bin Yakob dan isteri
Datin Bentara Kanan Datin Siti Zabidah binti Ab Hamid*

Bermula Februari 2014, Tok Guru dilantik sebagai Murabbi Ummah berpejabat di Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). IPTG ditubuhkan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dengan hasrat agar pemikiran dan legasi berharga milik mantan Menteri Besar itu terus disuntikkan ke dalam jentera kerajaan negeri.

Tanggal 22 Rabiul Awal 1436H bersamaan 12 Februari 2015, Tok Guru telah dijemput Khaliq-Nya pada jam 9.40 malam Jumaat, di rumahnya di Pulau Melaka pada usia 84 tahun. Allahyarham telah selamat disemadikan pada jam 11 pagi di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka bersebelahan pusara bapanya, Tuan Guru Haji Nik Mat bin Raja Banjar.





Al-Fatihah....




Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KD YMM) Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan, menziarahi pusara Tok Guru pada 22 Februari 2015.

Sepanjang satu dekad memegang jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan (2013-2023), Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad bin Yakob. mengekalkan kesinambungan dasar utama negeri iaitu Membangun Bersama Islam (MBI) melalui pendekatan Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI). Pendekatan ini memberi penekanan kepada kefahaman dan penghayatan dasar Islam secara menyeluruh dalam kalangan rakyat, merentas pelbagai lapisan dan sektor.

Setelah berkhidmat selama sepuluh tahun, Dato' Haji Ahmad bin Yakob mengambil keputusan untuk mengundurkan diri daripada jawatan Menteri Besar selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023. Bagi menghargai jasa dan pengalaman beliau, Kerajaan Negeri telah melantik beliau sebagai Penasihat Khas Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG); sebuah institusi yang ditubuhkan bagi mengkaji, memelihara dan memasyarakatkan pemikiran serta legasi perjuangan al-Marhum Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Pada 15 Ogos 2023, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meranti, Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin bin Haji Daud telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kelantan yang baharu di hadapan KDYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V. Istiadat angkat sumpah tersebut berlangsung pada jam 5.30 petang di Istana Negeri, Kubang Kerian.

Sebagai kesinambungan dasar terdahulu, pada 7 Disember 2023, Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin bin Haji Daud melancarkan pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang bertujuan untuk memperkukuh dan menyemarakkan lagi gagasan Membangun Bersama Islam serta pendekatan Merakyat Membangun Bersama Islam, agar terus relevan dan difahami dalam konteks semasa pembangunan negeri Kelantan berteraskan nilai-nilai Islam.



Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin bin Haji Daud
mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Istana Negeri Kubang
Kerian di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan
Muhammad V ibni Almarhum Sultan Ismail Petra.



Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin bin Haji Daud dan isteri Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita binti Wan Yaacob

ANUGERAH & PENGHARGAAN

10 Julai 1968

Jaksa Pendamai (JP)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim

1974

Kesatria Mangku Negara (KMN)

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

30 Mac 1995

Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia Peringkat Pertama (Al-Isma'illi) SJMK

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra

2008

Menteri Besar Paling Bersih

Gerakan Rakyat Anti-Korupsi (GERAK)

2009

Disenaraikan dalam buku *The 500 Most Influential Muslims* dan menduduki tangga ke-42 dari keseluruhan 500 tokoh Muslim yang berpengaruh

Royal Islamic Strategic Studies Centre

13 September 2010

Darjah Kebesaran Kelas Pertama (Dato' Bentara Setia)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V

28 September 2012

Tokoh Pendidikan NUSANTARA

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Modal Insan Negeri Selangor

24 Ogos 2013

Anugerah Integriti

Kerajaan Negeri Selangor

7 November 2013

Anugerah Khas Ikon Anak Muda Kelantan

Kerajaan Negeri Kelantan

Pada 2008, Tok Guru dicalonkan untuk menerima **Anugerah Keamanan Nobel oleh Gusi Peace Prize Foundation** namun Tok Guru tidak hadir untuk menerima anugerah tersebut atas faktor tertentu.

DI SEBALIK TOK GURU

Pelajar Cemerlang

Tok Guru berjaya menghafal kitab-kitab nahu dan saraf termasuk kitab Matan Alfiah, iaitu kitab nahu Arab yang sukar dipelajari dan terkenal di kalangan pelajar-pelajar pondok setanding dengan murid-murid yang lebih tua ketika berusia lapan tahun. Beliau juga fasih beberapa bahasa seperti Urdu, Tamil, Arab dan Inggeris.

Seorang Pemimpin dan Ahli Politik yang disegani

"Beliau adalah seorang pemimpin yang disegani dan dihormati oleh semua kaum kerana hujah-hujah beliau dapat mengangkat politik perkauman sehingga dapat melangkaui pertelingkahan di kalangan rakyat Malaysia dengan menunjukkan nilai-nilai agama Islam adalah konsep universal yang akan membawa manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia." – Ahli Parlimen Batu, Tian Chua



Pendakwah yang petah bercakap

Beliau lebih dikenali sebagai ulama kerana petah berpidato. Ucapan beliau terang berserta dengan perumpamaan yang jelas dan memudahkan para pendengar memahaminya. Inilah cara beliau mendapat tempat di hati penyokongnya.

Pakaian Tok Guru

Tuan Guru Nik Abdul Aziz lebih gemar memakai jubah & baju Melayu serta berserban dalam urusan rasmi ataupun tidak rasmi. *“Apabila ditanya kenapa berserban, maka jawabnya ini meniru Nabi. Bila ditanya kenapa berbaju Melayu, maka jawabnya ini pakaian pahlawan,”* - Setiausaha Politik Menteri Besar, Annual Bakri.

Solat Tahajud

Tok Guru sentiasa bersolat tahajud dan jarang sekali meninggalkannya.

Dompot

Tok Guru tidak menggunakan dompet duit. Kebiasaannya, beliau membawa duit di dalam sampul surat di dalam poket bajunya untuk mudah menderma.

Solat Sulit

Tok Guru gemar bersolat dalam keadaan gelap. Beliau mengaku bersolat dalam keadaan gelap apabila berada di dalam pejabatnya kerana tidak mahu menggunakan duit kerajaan untuk kepentingan dirinya. – Kembara Di Bumi Allah.

HAK MILIK IPTG





Tok Guru menunaikan solat sunat.

Gambar: Rizal Tahir

PESAN TOK GURU

"Saya berdoa dengan umur yang masih berbaki yang dipinjamkan oleh Allah SWT ini agar dapat meneruskan usaha memperjuangkan Islam sebagai cara hidup di negara ini. Semoga karat-karat sekular semakin menipis dan semoga Allah SWT terus memberikan keizinan kepada saya untuk menyebarkan ilmu agama, sekalipun ilmu yang saya miliki hanyalah sekadar 'sekulit etak'..."

"Dalam perjuangan ini, idola kepada para pejuang ialah Rasulullah SAW. Sebagaimana Rasulullah SAW merupakan seorang yang memiliki sifat fatonah (cerdik), demikianlah kita sebagai seorang pejuang perlu bersifat dengan fatonah. Fatonahnya kita ialah dengan mempelajari semua sejarah Rasulullah SAW dan melaksanakan dalam kehidupan kita pada hari ini..."

"Bila saya mati, gelaran Dato' Bentara Setia saya sudah tiada lagi, yang tinggal hanya Nik Aziz, sama ada Tun, Tin ke Tan semuanya tidak ada lagi, yang ada hanyalah pahala. Justeru, sekarang kita perlu segera jadikan amalan kerja buat kita di dunia ini menjadi pahala di sisi Allah SWT kelak..."

"Kita hidup di dunia ini bukan setakat nak hidup sahaja tapi nak hidup biar sampai akhirat. Kita bekerja biar sampai ke akhirat bahkan kita berpolitik pun biar sampai ke akhirat. Macam mana nak sampai ke akhirat, kalau semasa kita buat kerja tak pernah fikir tentang akhirat..."

“Di dalam dada kita, ada satu ruang yang perlu diisi dengan cahaya. Cahaya inilah yang akan menyuluh dan membimbing kita. Oleh itu, usahlah penuhi dada dengan perkara lain kecuali Nur Ilahi. Tiada yang lebih berharga selain air mata orang yang bangun (tahajud) kerana takut azab neraka walaupun setitis, lebih berharga dari isi alam...”

“Ambil wuduk tidak perlu banyak, tetapi biar sempurna. Ini kerana basuhan dengan air itu hanyalah simbolik. Yang hendak dibasuh bukanlah najis yang ada diwajah dan anggota kita, tetapi kotoran dosa yang dibawa melalui mata, mulut, telinga, tangan dan kaki...”

HAK MILIK IPTG



BELASUNGKAWA

Sunyi tanpa Tok Guru. *“Kita rasa kesunyian dari segi ilmuwan kerana Tok Guru ini walau di mana sahaja berada dia sentiasa mengeluarkan mutiara ilmu yang ada padanya sebagai ulama.”* - Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan 2013-2023

“Ayah berkata, jika mahu mencari ilmu sampai mana-mana pun ayah akan tanggung tetapi kalau nak suruh bawa berjalan (bersiar-siar jauh) tidak boleh.” - Nik Asma’ Salsabila (anak bongsu Tok Guru)

“Paling disukainya ialah duduk di masjid untuk membaca al-Quran. Selama menjadi pengiringnya, Tok Guru sering berpesan supaya solat awal waktu, jangan tinggal dan jangan lengah-lengahkan solat.” - Zakaria (pengawal peribadi Tok Guru)

“Saya amat rindukan dia,” kata isterinya Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak

“Ayah nak walaupun dia tutup mata, hudud kena buat juga di Kelantan,” - Nik Mohd Abduh bin Nik Abdul Aziz (anak).

“Tok Guru seorang yang amat kuat penguasaannya dalam Bahasa Arab dan amat suka membaca. Masa yang terluang di rumah dihabiskan dengan membaca. Buku-buku yang dibacanya penuh dengan catatan dan tulisan pada helaian kertas untuk dijadikan rujukan sama ada dalam ceramah

atau tulisannya. Antara buku-buku terakhir bacaannya ialah kitab al-Hikam Syarh wa Tahlil (كتاب حكم : شرح و تحليل) dan kitab Ubudiyyah al-Kainat li Rab al-'Alamin (عبودية الكائنات لرب العالمين) - Profesor Madya Dr. Nik Yusri bin Musa (menantu).

HAK MILIK IPTG











RUJUKAN

Christopher Buyers, Royal Ark, <https://www.royalark.net/Malaysia/kelant2.htm>. Akses pada 7 November 2024

Ismail Yusof, 2013. Tesis PhD: Pemikiran dan Perjuangan Politik Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, UUM

Jamal Mohd Lokman Sulaiman, 1999. Biografi Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz: Seorang Ulama' serta ahli politik Malaysia Di Abad ke 20. SULFA Human Resources & Development

Salahuddin Abdullah & Hydselan Hashim, 2010. Sejarah PAS Kelantan (1959-1978); Langkah-Langkah Menuju Mardhatillah, Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan

Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2012. YAB Tuan Guru Dato Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat - Kuliah Maghrib Madrasah Haji Latif. <https://www.youtube.com/watch?v=GNudJclbuy0&t=2245s>. Akses pada 10.10.2020

Nik Hamdi Abd Ghani, 2020. Temu bual pada 15 Oktober 2020. Pulau Melaka, Kelantan.

Nik Razi Nik Mat, 2020. Temu bual pada 15 Oktober 2020. Pulau Melaka, Kelantan.

Tuan Sabariah Tuan Ishak, 2020. Temu bual pada 14 Oktober 2020. Pulau Melaka, Kelantan.

Wan Kamarulzaman bin Wan Omar, Facebook Wan Amir, <https://www.facebook.com/search/posts/?q=wan%20amir%20salasilah%20jembal>. Akses pada 5 Oktober 2024.

PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS

1. Nik Zainuddin bin Raja Daud
2. Wan Abdullah Azzam bin Wan Zulkiflee

Gambar Nik Zainab di sumbangkan oleh:
Muhammad Izzat bin Mohd Ariffin

بيوگرافي ريفكس
BIOGRAFI RINGKAS
TOK GURU
TAN SRI DATO' BENTARA SETIA DATO'
NIK ABDUL AZIZ
BIN NIK MAT

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan figura ulama, negarawan dan murabbi ummah yang bukan sahaja mencorakkan landskap politik Kelantan bahkan menjadi simbol kepimpinan Islam yang istiqamah di Malaysia. Menerajui pentadbiran negeri selama lebih dua dekad, beliau dikenang kerana kebijaksanaan, keteguhan prinsip dan sifat tawaduk yang luar biasa.

Buku ini menghimpunkan perjalanan hidup beliau secara padat dan teratur – bermula daripada susur galur keturunan, latar pendidikan pondok dan pengajian tinggi hingga ke pentas perjuangan politik yang mencabar. Turut dimuatkan ialah kisah perkahwinan, detik-detik penting dalam karier sebagai Menteri Besar Kelantan serta warisan dakwah dan pentadbiran yang masih terasa hingga kini.



ISBN 978-629-99234-5-9

